



## MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

### TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' SR HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD  
**YANG DIPERTUA**  
**MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI**

### SEMPENA

MAJLIS PERASMIAN FIESTA SUNGAI PERAI  
(*PERAI RIVER FEST*)

### OLEH

YANG BERHORMAT  
PROF. DR. RAMASAMY A/L PALANISAMY  
**TIMBALAN KETUA MENTERI II PULAU PINANG**

TARIKH / MASA / TEMPAT  
**22 SEPTEMBER 2018 (SABTU)**  
**3.00 PETANG**

**TAMAN AMPANG JAJAR  
PERMATANG PAUH  
SEBERANG PERAI TENGAH**

*Disediakan oleh Jabatan Korporat dan Perhubungan Antarabangsa*

---

*Ucapan YBhg. Dato' YDP MPSB 2018*

**Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis**

**Yang Berhormat Prof. Dr. Ramasamy a/l Palanisamy**  
Timbalan Ketua Menteri II Pulau Pinang

**Yang Berhormat Tuan Satees a/l Muniandy**  
Ahli Dewan Undangan Negeri Bagan Dalam

**Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis**  
Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Yang Berusaha Puan Ir. Hjh Rosnani Binti Hj Mahmod**  
Setiausaha Perbandaran MPSP

**Yang Berusaha Encik Mohd Nasyarul Bin Ahmad Rizan**  
Jurutera Daerah  
Jabatan Pengairan Dan Saliran Seberang Perai Tengah

**Yang Berusaha Encik Hamdan Abdul Majeed**  
Pengarah Urusan Think City Sdn. Bhd.

**Yang Berusaha Encik Zaini Bin Zainul**  
Pengarah Urusan Zart Eventive Enterprise

**Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai**  
Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Kakitangan-Kakitangan**  
Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Rakan-Rakan Media**

**Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian**

---

Assalamualaikum warahmatullahhiwabarakatuh,

Selamat petang dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur kehadrat Allah S.W.T. kerana dengan izinnya dapat kita bersama-sama pada hari ini dalam Program Fiesta Sungai Perai atau *Perai River Fest* yang dianjur oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Think City Sdn. Bhd., Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan dengan kerjasama Zart Eventive Enterprise di bawah Program Butterworth Baharu.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Prof. Dr. Ramasamy a/l Palanisamy, Timbalan Ketua Menteri II Pulau Pinang yang sudi hadir merasmikan Program Fiesta Sungai Perai pada petang ini. Juga terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Satees a/l Muniandy, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian kerana sudi hadir ke majlis ini.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada Think City Sdn. Bhd., Jabatan Pengairan dan Saliran serta Zart Eventive Enterprise yang telah memberi komitmen padu untuk bersama-sama MPSP dalam menjayakan program pada hari ini.

**Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,**

MPSP dan Think City Sdn. Bhd. telah mewujudkan kerjasama dalam pembangunan Pelan Tindakan Sungai Perai untuk lima (5) tahun di bawah Program Butterworth Baharu selaras dengan Pelan Strategik MPSP 2018-2022 untuk melaksanakan pelbagai program dan pembangunan semula Sungai Perai sebagai tarikan kepada penduduk dan pengunjung. Tumpuan pelan tindakan adalah kepada usaha-usaha pemeliharaan dan pemuliharaan, penyediaan kemudahan-kemudahan termasuk kemudahan infrastruktur, penghubung lokasi-lokasi penting di sepanjang sungai serta meraikan Sungai Perai.

Di bawah *Program Rehabilitation Study of Sungai Perai*, Perunding Pinang daripada Universiti Sains Malaysia (USM) telah dilantik untuk menjalankan beberapa kajian di kawasan Sungai Perai. Hasil kajian menunjukkan Sungai Perai adalah salah satu *landmark* yang amat berpotensi untuk dibangunkan sebagai kawasan pelancongan dan tarikan baru di Seberang Perai. Sungai Perai memainkan peranan penting untuk masa depan Seberang Perai dan Pulau Pinang secara keseluruhannya. Sungai Perai telah dikenalpasti sebagai salah satu daripada empat titik tumpuan utama untuk memangkinkan peremajaan Butterworth.

Pelan Tindakan Sungai Perai memberi tumpuan kepada beberapa perkara berpotensi untuk membangunkan Sungai Perai:-

- I. **Kualiti Air** di mana kami berhasrat untuk memperbaiki dan memulihkan kualiti air sungai ke tahap yang wajar (dari Kelas III ke Kelas II) untuk memastikan sungai ini dikunjungi dan digunakan oleh semua orang. Mana tahu, suatu hari nanti anda boleh berenang dan minum dari Sungai Perai.
  
- II. **Pemulihan dan penyelenggaraan taman-taman rekreasi serta penyediaan kemudahan dan reka bentuk yang indah** di kawasan tebing sungai untuk membuat Sungai Perai lebih menarik. Sebahagian besar taman-taman tepi sungai seperti Taman Kimsar, Taman Sembilang dan Ampang Jajar akan menjalani peningkatan untuk memperbaiki keadaan keseluruhan dan memperkenalkan ciri-ciri rekreasi air baru seperti dok untuk mempromosikan berperahu dan berkayak dalam meningkatkan tahap interaksi dengan sungai. Laluan jogging, trek dan berbasikal juga disediakan bersebelahan dengan sungai untuk menggalakkan aktiviti-aktiviti rekreasi dalam meningkatkan kesejahteraan fizikal dan mental rakyat. Pelaburan dalam ruang

awam yang lebih baik pada dasarnya adalah pelaburan ke dalam kualiti hidup yang lebih baik untuk penduduk.

Untuk makluman Yang Berhormat, tuan-tuan dan puan-puan sekalian, MPSP juga telah memohon peruntukan kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan melalui Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam bagi proses penutupan selamat (*safe closure*) Tapak Pelupusan Ampang Jajar di sebelah Taman Bandar ini. Sebaik penutupan selamat, tapak tersebut dicadang untuk dijadikan tapak riadah dan rekreasi yang akan digabungkan dengan Taman Bandar. Usaha-usaha seperti ini telah dilaksanakan dengan jayanya di banyak negara seperti di Air Hitam Sanitary Landfill, Puchong; Pulau Semakau, Singapura; Sai Tso Wan Recreation Ground, Hong Kong; dan Nanjido Ecological Park, Korea Selatan.

- III. **Menganjurkan acara atau aktiviti setiap tahun untuk menjadikan Sungai Perai sebagai tempat yang lebih menarik kepada penggemar aktiviti *outdoor* yang menyeronokkan.**
  
- IV. **Meningkatkan kegiatan eko-pelancongan** di mana MPSP dan Think City Sdn. Bhd. sedang berusaha untuk mempromosikan dan meningkatkan eko-pelancongan seperti *bird watching*, *river*

*cruise, perikanan rekreasi (recreational fishing) untuk merangsang pembangunan ekonomi tempatan (Local Economic Development – LED) di sepanjang kawasan Sungai Perai.* Eko-pelancongan yang diterajui oleh LED berpotensi meningkatkan mata pencarian yang bergantung kepada sungai sambil memelihara persekitaran semulajadi. Sektor pelancongan ini mampu bertindak untuk mengekalkan kemampanan alam sekitar dan tanggungjawab sosioekonomi.

Feista Sungai Perai yang diadakan hari ini adalah projek ketiga dibawah Pelan Tindakan Sungai Perai dalam Program Butterworth Baharu yang diadakan selepas kejayaan penganjuran Perayaan Sungai Perai di Taman Kimsar, Perai pada 31 Mac 2018 dan *Sungai Perai Nature Walk* di kawasan Sungai Dua, Seberang Perai Utara pada 29 Julai 2018.

Dengan memberi nafas yang baru kepada sungai yang lama diabaikan ini, kami berharap orang ramai akan berduyun-duyun ke Sungai Perai, untuk berkelah, bersukan, memerhati hidupan liar, memancing atau menaiki basikal, jogging atau trekking. Dengan cuaca yang baik sepanjang tahun, kawasan perairan ini boleh dinikmati sepanjang tahun.

Program-program seumpama ini diadakan bertujuan meningkatkan kesedaran orang ramai tentang peranan sungai dan meraikan sungai-

sungai di Seberang Perai, terutamanya Sungai Perai ini. Penambahbaikan fizikal keseluruhan yang anda lihat dan acara yang berlangsung di Butterworth adalah sebahagian daripada Program Butterworth Baharu yang merupakan kerjasama antara Kerajaan Negeri Pulau Pinang, MPSP dan Think City. Ia adalah perkongsian strategik dengan setiap pihak yang mengambil masa dan sumber ke arah Butterworth lebih ceria dan *vibrant*.

**Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,**

Sungai Perai sepanjang 24 kilometer merupakan sungai terpanjang di Pulau Pinang dan juga mempunyai kawasan tadahan air terbesar di Pulau Pinang yang meliputi kawasan seluas 505 km persegi. Sungai ini mengalir ke barat dari Daerah Kulim di Kedah ke Selat Selatan (*South Channel*) di *Penang Strait*. Sungai ini mengalir merentasi kawasan tanah pertanian seperti sawah padi, kawasan perumahan dan perbandaran serta kawasan perindustrian. Kilang-kilang terawal seperti kilang beras dan kilang gula dibina di sepanjang sungai.

Dari segi warisan, Kilang Gula Prai merupakan kilang gula terbesar di Malaysia yang memiliki jeti sendiri untuk pemunggahan gula kasar daripada kapal-kapal untuk disimpan bagi penapisan. Kawasan Perindustrian Mak Mandin didirikan berhampiran sungai pada tahun 1960an dan kemudian lebih banyak kilang dibina di tebing selatan kuala sungai. Sungai ini juga

memainkan peranan penting seperti dok yang dibina untuk membaiki kapal dan mengangkut arang batu.

Di kawasan tadahan Sungai Perai, iaitu di Air Hitam Dalam, Sungai Dua terdapat satu-satunya kawasan paya gambut di Pulau Pinang. Paya gambut ini merangkumi kawasan seluas 11 hektar dan menyimpan pelbagai khazanah kepelbagaian hidupan flora dan fauna yang terdiri daripada lebih 150 spesis tumbuhan, 125 spesis burung dan 35 spesis ikan. Empat spesis monyet dan helang juga dapat dilihat di sini. Selain itu, ia juga menjadi tempat persinggahan bagi burung migrasi.

Di kawasan hilir sungai pula, terdapat rangkaian hutan paya bakau dengan 41 spesis pokok yang telah dikenalpasti. Antaranya pokok bakau minyak, selasih dendri, ketapang, paku rawan, tapak kuda, merbau, butang baju, ambong-ambong dan banyak lagi. Ianya juga menjadi habitat pelbagai jenis hidupan air dan daratan termasuk ikan, ketam, udang galah, kerang, siput, rama-rama, burung, ular, katak, biawak, buaya, memerang, tupai dan monyet. Terdapat 37 spesis burung di kawasan Sungai Perai seperti *Japanese sparrowhawk*, *collared kingfisher*, *plaintive cuckoo*, *chestnut headed bee-eater* dan banyak lagi.

Sungai Perai merupakan aset semulajadi yang penting yang menawarkan sumber dan perkhidmatan untuk kebajikan manusia dan

pertumbuhan ekonomi. Lebih utama lagi, Sungai Perai adalah ciri utama atau identiti Seberang Perai dan menjadi pemangkin utama untuk meningkatkan kesesuaian dan kesinambungan Butterworth dan Perai.

Impian saya adalah untuk melihat Sungai Perai menjadi destinasi eko-pelancongan dan tumpuan kegiatan sukan dan rekreasi seperti di Sungai Mekong, Vietnam dan Sungai Chao Phraya di Thailand.

**Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,**

Penggantungan kita kepada Sungai Perai untuk sumber air dan makanan menjadi kemestian di masa sekarang dan masa datang memandangkan kekangan keluasan kawasan dan sumber air yang lain. Akibat pembangunan perbandaran dan perindustrian, banyak kawasan di pinggiran Sungai Perai telah dibuka dan dibangunkan yang sedikit sebanyak telah menjelaskan ekosistem sungai.

Tanggungjawab untuk memelihara dan menjaga sungai tidak hanya terletak di atas bahu Jabatan Pengairan dan Saliran sahaja atau organisasi tertentu sahaja, malah setiap individu dan masyarakat setempat perlu memainkan peranan dalam menjaga dan memelihara sungai agar bebas dari sampah dan bahan tercemar.

Antara sebab-sebab mengapa sungai perlu dipelihara dan dipulihkan adalah:-

- i. Sungai adalah sumber air yang penting bagi kampung dan bandar. Oleh itu, Sungai Perai boleh menjadi sumber air yang berpotensi untuk Pulau Pinang. Air sungai perlu dirawat terlebih dahulu sebelum dialirkan ke rumah-rumah untuk kegunaan harian. Walau bagaimanapun, jika sungai-sungai kita masih tercemar, air tidak dapat dirawat dengan sempurna dan tidak sesuai untuk kegunaan manusia.
- ii. Dengan isu pembalakan berterusan di Ulu Muda dan pencemaran Sungai Muda yang seterusnya, masa depan keselamatan air Pulau Pinang amat berisiko.
- iii. Sungai memberi habitat kepada pelbagai spesis haiwan dan tumbuhan. Setiap spesis memainkan peranan penting dalam mengimbangi ekosistem. Sekiranya mana-mana sepsis dalam satu-satu ekosistem terjejas, ia akan mengakibatkan keruntuhan ekosistem yang akan menjaskan persekitaran semula jadi dan kita, kerana kita adalah sebahagian daripada persekitaran.

Dalam usaha untuk membawa kembali kehidupan sungai dan membuat sungai menjadi menarik kepada penduduk dan pelawat, MPSP dan Think City Sdn. Bhd. bersama-sama dengan Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Jabatan Pengairan dan Saliran dan lain-lain pihak telah berkerjasama untuk merangka program-program bagi memulihkan sungai ini. Pelan Tindakan Sungai Perai bertujuan untuk memperbaiki alam sekitar dan menebus semula sungai sebagai aset awam dengan mengaktifkannya sebagai ruang awam.

Selepas memulihkan sungai dan mengaktifkan ruang awam di tepi sungai, mungkin terdapat peluang untuk memperkenalkan lebih banyak kemudahan rekreasi dan watersport untuk menjadikan sungai itu sebagai kawasan rekreasi.

Sekiranya sungai adalah bersih, masyarakat dapat memberi manfaat baik dari segi sosial dan ekonomi kerana sungai yang bersih dan sihat meningkatkan kualiti hidup. Pelbagai aktiviti menarik dapat dijalankan seperti *jogging* dan laluan berbasikal di sepanjang sungai.

**Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,**

Penganjuran fiesta ini adalah berkonsepkan 7Ps (*People, Public, Private, Philanthropy, Philosopher, Planet dan Partnership*) yang dianjurkan selaras dengan Sambutan Hari Sungai Sedunia Tahun 2018. Hari Sungai Sedunia adalah sambutan kepada saluran air semulajadi di dunia. Ianya bertujuan untuk meningkatkan kesedaran orang ramai terhadap betapa penting dan bernilainya sungai kepada semua.

Selain itu, fiesta ini juga adalah untuk mempromosikan aktiviti gaya hidup sihat dan memberi pendidikan serta kesedaran terhadap masyarakat kepentingan menjaga kebersihan sungai dan memelihara alam semulajadi. Fiesta Sungai Perai juga merupakan salah satu platform dalam mengetengahkan aktiviti eko-pelancongan di Seberang Perai.

Dalam Fiesta Sungai Perai ini pelbagai program telah disusun untuk penglibatan tuan-tuan dan puan. Program-program yang telah disediakan adalah:-

- i. Pameran Agensi Kerajaan: Majlis Perbandaran Seberang Perai, Jabatan Pengairan dan Saliran dan Universiti Sains Malaysia;;
- ii. Makan Sakan *Seafood Showcase*,
- iii. *Eco Style – Fesyen Kitar Semula*,

- iv. *Eco Games*,
- v. Bengkel Kayak
- vi. *Boat Ride di Sungai Perai*
- vii. Bengkel Seruling
- viii. Ukelele Workshop
- ix. Persembahan *Skateboard*
- x. *Perai River Fest Live Concert*
- xi. McD *Smile Clown*

Penganjuran Program Fiesta Sungai Perai adalah untuk mempromosikan gaya hidup sihat dan memberi pendidikan serta kesedaran kepada masyarakat peri pentingnya menjaga kebersihan sungai dan memelihara alam semulajadi. Program ini juga merupakan salah satu *platform* dalam mengenengahkan aktiviti eko-pelancongan di Seberang Perai yang mana Sungai Perai adalah salah satu *landmark* yang amat berpotensi untuk dibangunkan sebagai kawasan pelancongan dan tarikan baru di Seberang Perai.

Fiesta Sungai Perai adalah peristiwa baru dan menarik di Seberang Perai. Kami berharap dapat menjadikan acara ini sebagai satu acara penting dalam kalender festival tahunan Pulau Pinang. Fiesta Sungai Perai bukan sahaja merupakan acara yang menyeronokkan untuk meraikan sungai kita tetapi ia merupakan program kesedaran sungai. Adalah menjadi

harapan kami bahawa dengan membawa orang lebih dekat ke sungai, mereka akan memahami dan melihat keperluan untuk memelihara dan melindungi saluran air kami.

**Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,**

Saya mengalu-alukan kehadiran tuan-tuan dan puan-puan ke Fiesta Sungai Perai untuk menjayakan program ini serta mengambil bahagian dalam pelbagai aktiviti yang diadakan di sini pada hari ini. Fiesta ini diharapkan dapat mewujudkan kesedaran kepada masyarakat tentang pentingnya untuk memelihara dan memulihara sungai serta flora dan fauna supaya generasi akan datang, dapat turut menikmati keindahan alam semulajadi yang ada di Seberang Perai.

MPSP mengambil kesempatan ini menyeru warga Seberang Perai supaya memelihara sungai-sungai serta sistem saliran di Seberang Perai dari sebarang bentuk pencerobohan dan pencemaran. Sayangi dan hargailah sumber air yang kita ada kerana sumber ini merupakan keperluan utama bagi kita meneruskan aktiviti harian kita.

Sebelum saya mengakhiri kata-kata saya, terima kasih saya ucapkan kepada semua yang bertungkus lumus bagi menjayakan program Sungai Perai Nature Walk yang dianjur bersama-sama dengan Think City Sdn.

Bhd. dan Zart Eventive Enterprise dengan kerjasama Jabatan Pengairan dan Saliran Seberang Perai Tengah. Terima kasih tidak terhingga kepada Yang Berhormat Prof. Dr. Ramasamy a/l Palanisamy, Timbalan Ketua Menteri II Pulau Pinang dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Ahli-Ahli Majlis, warga kerja MPSP serta seluruh penduduk Seberang Perai yang hadir memberikan sokongan padu ke atas usaha-usaha ini.

Sekali lagi saya menyeru para hadirin sekalian untuk mencintai sungai dan terus memberi komitmen terhadap usaha memelihara dan menjaga sungai. Harapan MPSP adalah agar para hadirin dan warga Seberang Perai untuk terus membantu MPSP dalam menjaga Seberang Perai supaya lebih bersih dan cantik serta mempunyai penduduk yang sihat sejajar dengan *tagline* MPSP iaitu “**Seberang Perai Aspirasi Bandar Masa Hadapan** ” atau “**Seberang Perai Aspiring City of Tomorrow**”.

**Sekian, Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum  
Warahmatullahi Wabarakatuh.**

**Sekian, terima kasih.**